

24/06/1998

Pemuda kecewa tindakan Ruslan

M Noh Senan

SEREMBAN, Selasa - Pemimpin Pemuda Umno negeri ini kecewa terhadap tindakan ketua Pemuda negeri, Ruslan Kassim kerana membuat tuduhan melulu berhubung isu penerbitan buku memfitnah Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Naib ketua Pemuda Umno negeri, Shahrul Ikram Osman dalam satu kenyataannya di sini, hari ini berkata beliau yang mewakili rakan ketua Pemuda Umno bahagian negeri ini kesal dan terkilan dengan tindakan Ruslan dalam Perhimpunan Agung parti, Sabtu lalu.

Shahrul juga ahli jawatankuasa Badan Perhubungan Umno negeri, berkata apa yang beliau difahamkan, Ruslan yang juga Ketua Pemuda Umno Jempol tidak merujuk terlebih dulu dengan rakan lain untuk membangkitkan isu berkenaan di perhimpunan itu.

"Kami berharap kesilapan seperti membangkitkan isu sensitif akan menjadi peringatan kepada seluruh ahli Umno.

"Perkara seperti ini tidak seharusnya dibincangkan secara terbuka, sebaliknya menggunakan saluran parti sesuai dengan konsep musyawarah," katanya.

Shahrul berkata, Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering mengingatkan ahli mengelakkan daripada membincangkan isu sensitif secara terbuka yang mudah diputarbelitkan oleh media asing dan pembangkang kerana ia mengancam perpaduan ahli.

Menurutnya, ketua Pemuda Umno negeri ini menyokong tindakan keras dikenakan kepada sesiapa saja dalam parti yang membuat fitnah.

Mengikut laporan akhbar hari ini, bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Thamby Chik akan memfailkan saman malu terhadap Ruslan atas dakwaan membuat tuduhan palsu secara terbuka di perhimpunan parti.

Kes membabitkan Ruslan itu adalah berkaitan kenyataannya di perhimpunan agung mengenai penerbit buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri, yang dikatakan menggunakan premis syarikat Sri Arteesee Sdn Bhd (Sri RTC) yang dimiliki orang Umno sendiri.

Ruslan dalam perhimpunan itu turut berkata, selepas diperiksa di Pendaftar Syarikat, pemilik Syarikat Sri RTC adalah Puan Sri Siti Zabedah Abdullah dan Abdul Rahim.

(END)